



Kepercayaan Masyarakat Orang Asli dalam Adat Memburu Haiwan

The Belief of Orang Asli (Indigenous) Community in The Custom of Hunting Animals

Nordiana Mosum*, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia Malaysia

¹*Corresponding author: P145364@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.21.2025>

Abstract

The objective of this study is to identify the beliefs of the Orang Asli community in the custom of hunting animals. This study uses an ethnographical approach which are appropriate by tracing the chronology of animal hunting customs among the Orang Asli community. The ethnographic approach uses field research methods such as observation techniques, participation and interviews with informants who are knowledgeable about Orang Asli customs. Along with that, this study is also supported with secondary data through literature review. Relying on the requirements of this study, concepts belief by the idea of Raymond Firth was used as a guide in supporting the evaluation and achieving the objectives of the study. The results shows that the Orang Asli community highly respects customs and adheres to the beliefs inherited by them from a generation to to the next. It is indeed the belief in the custom of hunting animals for the Orang Asli as part of their identity which is a valued highly and are still treasured by certain groups of practitioners as a continuation of their customs and culture. Therefore, this study is necessary as an effort to defend and introduce the way of thinking of the Orang Asli community. The contribution of this study are expected to drive the spread of knowledge to the younger generation to dignify the unique treasures of the custom of hunting animals and as an additional knowledge about the lives of the Orang Asli community. This study may be a means of vehicle to introduce the cultural heritage and wisdom of the ancestors that should be raised because of its superiority in shaping the wisdom of the Orang Asli community.

Keywords: *custom, Firth Raymond, hunting, Orang Asli, wisdom, worldview*

Abstrak

Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti mengenai kepercayaan masyarakat Orang Asli dalam adat memburu haiwan. Kajian ini menggunakan pendekatan etnografi dan kualitatif. Pendekatan etnografi menggunakan kaedah kajian lapangan seperti teknik pemerhatian, ikut serta dan temu bual informan yang arif soal adat istiadat Orang Asli. Seiringan dengan itu, kajian ini juga disokong dengan data sekunder menerusi kajian kepustakaan. Bersandarkan keperluan kajian ini, konsep kepercayaan gagasan Firth, Raymond dijadikan sebagai panduan dalam menyokong penilaian serta mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati masyarakat Orang Asli sangat menyanjung tinggi adat dan berpegang pada kepercayaan yang diwarisi oleh mereka secara turun temurun. Oleh itu, kajian ini berkeperluan sebagai usaha mempertahankan serta memperkenalkan corak pemikiran masyarakat Orang Asli. Sumbangan kajian ini diharap dapat memacu penyebaran ilmu kepada generasi muda bagi memartabatkan khazanah adat memburu haiwan dan menambah lagi ilmu pengetahuan mengenai kehidupan masyarakat Orang Asli. Kajian ini menjadi serampang dua mata sebagai wadah memperkenalkan warisan budaya dan kebitaraan nenek moyang yang seharusnya diangkat kerana keunggulannya membentuk kearifan masyarakat Orang Asli.

Kata Kunci: *Adat, Firth Raymond, Kearifan, Orang Asli, Pemburuan, Worldview*



Pengenalan

Definisi Orang Asli mengikut seksyen 3, Akta Orang Asli (1954) menjelaskan bahawa Orang Asli merupakan individu yang mengamalkan cara hidup, budaya, adat dan bahasa Orang Asli. Catatan dalam Perkara 160 (2) iaitu Perlembagaan Persekutuan, menakrifkan Orang Asli sebagai Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu. Masyarakat Orang Asli boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan besar iaitu Senoi, Negrito (*Semang*) dan Melayu Proto. Kajian ini merujuk kepada suku Semai dalam Kumpulan Senoi yang tinggal di sepanjang sungai iaitu di Ulu-ulu Sungai Pahang dan Perak. Suku Semai merupakan kumpulan terbesar yang berjumlah 51,437 orang mengikut kumpulan etnik dan negeri (Banci Orang Asli, 2010). Mereka berpegang kepada kepercayaan animisme serta peninggalan nenek moyang terdahulu (Tambi, 2000). Suku Semai dalam kalangan Orang Asli masih mengamalkan aktiviti berburu haiwan sebagai sumber makanan. Aktiviti memburu merupakan aktiviti yang bersifat diwarisi dan amalan oleh generasi terdahulu (Mohd. Sanusi, et. al, 2014). Corak kehidupan mereka berhubung kait dengan alam sekitar yang menjadikan kelompok ini sudah terbiasa dengan hutan dan aktiviti memburu.

Namun, pengetahuan berkaitan adat dan kepercayaan semasa aktiviti memburu haiwan semakin terpinggir disebabkan kurangnya pendedahan dan sambutan daripada generasi muda hari ini. Hal ini kerana generasi baru dalam kalangan suku Semai ramai yang telah berhijrah dan menerima perubahan serta perkembangan yang berlaku tanpa jangkaan citra kehidupan harian masyarakat mereka. Menurut, Sali Bah Bola (2024), generasi muda mereka ramai yang berhijrah ke kawasan bandar untuk mendapatkan pekerjaan dan ada juga lainnya telah berjaya. Secara tidak langsung, mereka telah beralih kepada cara hidup dan bentuk aktiviti yang baharu dan selari dengan masyarakat membangun yang telah menyebabkan aktiviti memburu haiwan semakin tergugat dan terancam. Keadaan ini menyebabkan pendedahan berkaitan *worldview* aktiviti memburu haiwan oleh masyarakat Orang Asli tersekat dalam kalangan pengamal sahaja. Secara tidak langsung, keadaan ini telah memberi kesan kurang baik kepada generasi muda dalam masyarakat Orang Asli khususnya yang tidak mengetahui warisan khazanah mereka.

Secara umumnya, terdapat beberapa penulisan lepas berkaitan *worldview* atau pantang larang yang dijalankan oleh beberapa pengkaji. Antaranya, termasuklah oleh Kirk Endicott (1979) menulis berkaitan *Batek Negrito Religion: The World-View and Rituals of a Hunting and Gathering People of Peninsular Malaysia*. Amran Kasimin (1991) dalam bukunya "*Religion and Social Change Among the Indigenous People of the Malay Peninsula*". Kajian oleh Nafisiah Haji Abdul Rahman (2001) yang bertajuk "Adat dan Pantang Larang dalam Masyarakat Orang Asli Suku Semai". Selanjutnya, oleh Amir Ahmad et al. (2018) menjalankan kajian etnografi terhadap konsep jiwa dalam kepercayaan masyarakat Temiar.

Begitu juga terdapat beberapa penulisan berkaitan aktiviti memburu haiwan masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, makalah-makalah tersebut menunjukkan adanya jurang ilmu dalam konteks *worldview* dan adat-adat sebelum, semasa dan selepas memburu. Penulisan lepas membincangkan pelbagai konteks, misalnya mengenai asal usul dan corak hidup masyarakat Orang Asli. Antaranya termasuklah oleh Iskandar Carey (1976) *Orang Asli The Oboriginal Tribes of Peninsula Malaysia* dan jenis pekerjaan Orang Asli seperti aktiviti memburu haiwan oleh Md. Akhbal bin Abdullah et.al. (2003) iaitu *Kenali Kami: Masyarakat Orang Asli di Malaysia*.

Objektif penulisan ini adalah untuk mengenal pasti mengenai kepercayaan masyarakat Orang Asli dalam adat memburu haiwan. Penulisan ini bertujuan untuk menjelaskan bagaimana memperkasa serta memulihara kearifan tempatan masyarakat Orang Asli khususnya dalam adat memburu haiwan agar dapat dikenali oleh khalayak termasuklah generasi mereka sendiri. Pemuliharaan ini dapat dilaksanakan menerusi dokumentasi dan pemuliharaan. Kepercayaan yang dipegang oleh masyarakat



Orang Asli berpandukan adat aktiviti memburu mereka yang umumnya diketahui oleh orang-orang lama.

Metodologi

Terdapat jurang ilmu yang sangat ketara tentang kepercayaan dalam adat memburu haiwan masyarakat Orang Asli, khususnya bagi suku Semai di Gombak, Selangor. Hal ini menjadi penentu kepada reka bentuk kajian yang dirangka bagi menjawab persoalan kajian ini. Kaedah perpustakaan turut dijalankan antaranya termasuklah membuat pengumpulan bahan bacaan seperti buku-buku ilmiah dan artikel jurnal. Pemerhatian turut serta dan temu bual telah dipilih bagi memperolehi data.

Kaedah pemerhatian turut serta juga dilaksanakan semasa lapangan dilakukan pada 21 Mac 2024 dan 27 Mei 2024 di Muzium Orang Asli, Gombak serta 23 Mei 2024 di Muzium Seni Kraf Orang Asli di Kuala Lumpur untuk memperolehi data yang berkaitan. Pemerhatian ini bermula dari hari sesi temu bual sehingga selesai melawat kawasan galeri muzium untuk mendapatkan data gambar dan dokumen berkaitan proses aktiviti memburu haiwan. Pemerhatian turut serta ini bertujuan mengesahkan data primer.

Temu bual turut dilaksanakan dengan penggiat dan individu yang terlibat secara langsung dalam aktiviti memburu haiwan di hutan. Antara informan kajian ini termasuklah penggiat dan Orang Asli Semai seperti Sali Bah Bola, pegawai Muzium Orang Asli, Gombak iaitu Puan Roslina binti Ismail dan Ketua Muzium Seni Kraf Orang Asli, Kuala Lumpur iaitu Encik Asmawi bin Mohamed Yunos.

Dapatan

Firth, Raymond (1966) dalam *Malay Fisherman: Their Peasant Economy* membincangkan mengenai elemen organisasi dalam kalangan nelayan iaitu pelaksanaan upacara dan kepercayaan seiring dengan proses memancing. Pelaksanaan upacara itu adalah bersandarkan andaian yang menjadi kebiasaan mereka yang hendak memburu sesuatu kehidupan di laut seperti ikan. Para nelayan beranggapan bahawa kehidupan laut tidak mengetahui niat dan aktiviti mereka kerana telah dikawal oleh 'hantu laut' yang harus ditenangkan terlebih dahulu. Selaras dengan kepercayaan berdasarkan andaian itu, wujudnya pertubuhan kepercayaan dan upacara tertentu yang diintegrasikan ke dalam suatu sistem. Ini melibatkan dua peranan penting iaitu juru selam sebagai mengawal jaring nelayan serta aktiviti memancing dan bomor' atau bomoh yang berperanan menenangkan hantu laut.

Tujuan utama upacara ini dijalankan adalah bagi memudahkan aktiviti memancing para nelayan agar kehidupan laut tidak melarikan diri. Nordiana Mosum (2022), menurut Firth dalam tulisannya memerihalkan kemampuan bomoh dalam mengawal keadaan laut yang dikuasai oleh hantu laut. Justeru, kepakaran memancing sahaja tidak memadai kerana semuanya bergantung pada nasib, namun percaya bantuan bomoh dalam aktiviti memancing juga adalah diperlukan. Nordiana Mosum (2017) menjelaskan sesetengah nelayan yang berjaya bukan atas faktor kepakaran mereka tetapi dipercayai telah 'berhubung' dengan hidupan laut. Namun begitu, tidak dinafikan kepakaran dalam memancing juga penting tetapi kepakaran sahaja tidak memadai. Rentetan itu, sesetengah para nelayan menggunakan khidmat bomor' untuk membantu dan bayaran upah akan diberikan atas khidmat bomor' tersebut.

Antara kepercayaan masyarakat Orang Asli dalam adat memburu haiwan termasuklah membuat kesepakatan dan masuk ke hutan secara berkumpulan. Menurut, Sali Bah Bola (2024), ketika hendak keluar memburu haiwan elakkan bergerak secara individu. Lazimnya, aktiviti memburu dalam kalangan Orang Asli suku Semai diadakan secara berkumpulan. Pada peringkat awal, pemburu telah mengadakan perbincangan dan menetapkan masa tertentu untuk masuk ke hutan bersama-sama. Ini bermakna,



sekiranya pemburu telah membuat janji dengan tiga rakan lainnya, maka mereka perlu bergerak bersama dan menepati janji tersebut. Berpadanan dengan konsep kepercayaan oleh Firth. Raymond (1966) bahawa untuk mendapatkan sesuatu perlu bertunjangkan sesuatu bantuan, yakni kepakaran sahaja tidak dianggap mencukupi melainkan mendapat tuah atau bernasib baik. Jika diamati dalam kepercayaan ini, pengamal meletakkan keperluan bergerak secara berkumpulan itu lebih baik dan selamat. Hal ini kerana, memasuki hutan tebal bukanlah sesuatu yang mudah. Sudah pastinya, perjalanan itu memerlukan sokongan, bantuan serta kerjasama rakan yang lainnya. Hakikatnya, memburu secara berkumpulan dapat menjamin keselamatan dan keberkesanan aktiviti pemburuan meliputi kepakaran setiap individu.

Salah satu larangan bagi masyarakat Orang Asli ialah ketika hendak memburu haiwan pemburu perlu memastikan kawasan yang hendak didatangi itu tidak ada pokok yang boleh menyebabkan mabuk. Hal ini kerana dipercayai, hasil tangkapan pemburuan misalnya tupai, landak dan burung harus dielakkan daripada memakan pokok tersebut. Lazimnya, mereka percaya hasil yang dimakan oleh haiwan tangkapan tadi boleh menyebabkan manusia yang memakan haiwan itu menjadi muntah dan mabuk. Contohnya, buah kulung yang dimakan oleh landak. Senarionya, landak memakan buah tersebut berkemungkinan tidak akan mabuk. Namun, kesannya kepada si pemburu yang berhasrat memakan hasil tangkapan itu akan menjadi mabuk impak daripada buah tersebut.

Selain itu, menurut Asmawi (2024) semasa hendak pergi ke hutan, elakkan mendatangi tempat yang berbahaya. Ini bermakna, semasa hendak menyempit dan memburu, perlu memastikan kawasan pemburuan itu selamat dan bersesuaian. Hal ini demikian, bagi mengelakkan terkena perangkap belantik. Asmawi (2024) menjelaskan bahawa perangkap belantik ini hanya difahami oleh si pemasang itu sendiri. Dengan demikian, sesiapa sahaja yang ingin memasang jerat tikam jantung, maka dia mesti memasang tanda isyarat bahaya. Lebih-lebih lagi, perangkap jenis ini boleh mengundang maut. Menurut Sali Bah Bola (2024) belantik dikenali dengan nama lain iaitu *dark* merujuk kepada kemampuannya menikam terus ke jantung dan menyebabkan kematian. Berpadanan dengan sudut pandang Firth, semuanya adalah bergantung pada nasib. Tidak dapat dinafikan lagi, perangkap belantik itu sendiri tidak mengenali tuannya dan boleh menyebabkan kematian. Kepakaran sahaja tidak memadai melainkan peka dan lebih berhati-hati kerana kesilapan sedikit boleh mengundang padah. Jelaslah bahawa, kepercayaan ini terbentuk menerusi pengalaman dan keadaan yang memerlukan ketergantungan antara satu sama yang lain.

Semasa hendak memulakan pemburuan, masyarakat Orang Asli percaya bahawa tidak perlu menyuarakan niat masuk ke dalam hutan itu secara terang-terangan. Ini bermaksud, apa pun bentuk sasaran dan nawaitu si pemburu itu, perlu disematkan dalam hati serta tidak dihebahkan, (Sali Bah Bola, 2024). Masyarakat Orang Asli dipercayai bahawa niat memburu haiwan yang disertakan dengan niat secara terang-terangan akan merugikan si pemburu. Ekoran mereka percaya, tangkapan semasa memburu nanti tidak akan berjalan seperti yang dirancang. Misalnya, haiwan di hutan tidak dapat ditemui secara semudah seperti sebelumnya. Oleh itu, lazimnya semasa hendak memburu haiwan mereka akan merancang secara tertib dan teliti. Seperti mana yang dijelaskan dalam Firth (1966) kejayaan sesetengah nelayan di itu dipercayai kerana faktor berhubung dengan kehidupan laut. Ini menyebabkan, aktiviti memancing mereka dipermudah dan menjadi seperti yang dirancang. Jelaslah bahawa, masyarakat Orang Asli suku Semai juga mempunyai satu pegangan kepercayaan dalam adat memburu bagi memastikan si pemburu dapat pulang dengan beroleh hasil tangkapan.

Lain daripada itu, hubungan antara manusia dan alam ghaib dianggap sebagai kemampuan luar biasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Dalam konteks pemburuan, menurut Sali Bah Bola (2024) menerangkan bahawa dalam usaha menjejaki pemburu yang sesat mengikut cerita lisan orang-orang tua terdahulu, mereka akan menggunakan alat sumpit untuk menilik. Dengan erti kata lain, individu tersebut mampu melihat orang sesat berkenaan di sesuatu tempat lainnya dalam keadaan



selamat dan akan pulang ke pangkuan keluarga semula. Ini membuktikan bahawa, individu yang mempunyai kebolehan menilik telah berhubung menerusi bantuan alam ghaib atau *supernatural*.

Selain itu, tiada larangan bagi sumpitan ketika berada di hutan tebal. Namun si pemburu perlu mengetahui bagaimana cara berinteraksi dengan makhluk ghaib dengan manusia. Misalnya, seorang pemburu yang membawa buluh yang telah lama di salai sama ada selama sepuluh atau dua puluh tahun lamanya, buluh itu akan bertukar menjadi warna merah (Sali Bah Bola, 2024). Pemburu perlu berhati-hati pada waktu senja, kerana apabila mendengar unggas berbunyi seperti wisel menjadi perlambangan atau isyarat menolak. Hal ini kerana, unggas berkenaan dipercayai tidak menyukai warna merah pada sumpitan itu. Oleh hal yang demikian, bagi mengelakkan musibah, sumpitan berkenaan perlu dilepaskan serta beredarlah demi kebaikan diri. Tuntasnya, mereka percaya unggas itu tidak menyukai warna merah dan alat menyerupai tongkat.

Menerusi penelitian ini, dapat difahami bahawa interaksi manusia dan alam ghaib dikaitkan dengan unsur mitos serta kepercayaan lampau dalam kalangan nenek moyang. Namun begitu, kepercayaan ini hakikatnya merupakan petanda berkait kehebatan seseorang. Selaras dengan konsep kepercayaan oleh Firth (1966) mengenai interaksi masyarakat pemburu dalam kalangan masyarakat Orang Asli dengan alam ghaib yang memilih untuk berdiam dan beredar setelah mendapatkan isyarat-isyarat yang kurang baik bagi mengelakkan sesuatu terjadi.

Alat sumpit merupakan salah satu senjata bagi Orang Asli. Lazimnya, sumpitan diperbuat daripada buluh. Sali Bah Bola (2024) menyatakan bahawa mereka diberikan pendedahan menggunakan sumpit sejak kecil lagi bagi tujuan permainan sehinggalah menjelang dewasa. (Roslina, 2024). Alat sumpit dalam masyarakat Orang Asli dihormati dan dijaga. Hal ini demikian, pada peringkat awal proses pembuatan sehingga buluh tu siap, buluh sumpitan itu harus dihormati. Larangan melangkah pada alat sumpit, ipok dan damaknya berhubung kait dengan kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap unsur misteri dan kesaktian alat sumpit itu sendiri. Tiupan pada alat sumpit jika dihormati kesaktiannya dipercayai akan memudahkan kena tepat pada sasarannya. Maka, jika niat untuk memburu haiwan semasa persiapan, alat sumpit sewajarnya diletakkan ditempat yang sesuai agar terpelihara secara baik. Bersamaan dengan Firth (1966) yang menekankan keperluan menghormati 'hantu laut' dengan kaedah menenangkannya melalui persembahan makanan atau ganjaran. Hasilnya, para nelayan dapat bekerjasama dengan juru selam dan bomoh untuk mendapatkan hasil tangkapan lumayan. Begitu juga pada alat sumpit yang diangkat sebagai sakti perlu dihormati agar tidak menjejaskan aktiviti memburu kelak.

Perbincangan Dan Kesimpulan

Berdasarkan penulisan kajian-kajian lepas, penjelasan mengenai kepercayaan dalam adat memburu haiwan dalam kalangan masyarakat Orang Asli belum dikupas dengan lebih mendalam untuk rujukan pada masa akan datang. Adapun penulisan terdekat oleh Nafisiah Haji Abdul Rahman (2001) yang bertajuk "Adat dan Pantang Larang dalam Masyarakat Orang Asli Suku Semai" turut memaparkan berkaitan pantang larang berburu dan oleh Muhammad Haziq dan Mohd Yuszaidy (2020) yang mengupas berkaitan alat jerat haiwan yang digunakan dalam aktiviti memburu. Hasil penelitian dalam penulisan-penulisan akademik sebelumnya memaparkan tentang kepercayaan masyarakat Orang Asli dalam adat berburu tidak dibincangkan secara terperinci. Namun demikian, masih terdapat penulisan yang menjelaskan berkaitan aktiviti memburu haiwan dan beberapa jenis alat jerat sebagai satu usaha pengenalan kepada generasi baharu. Penulisan ini bermula dengan kajian oleh Kirk Endicott sejak 1979. Sementara itu, penulisan yang dilakukan oleh Muhammad Haziq dan Mohd Yuszaidy merupakan penulisan akhir berkaitan konteks memburu dan alat pemburuan yang berkaitan dengannya pada 2020. Hal ini bermakna dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini, penulisan berkaitan aktiviti memburu



haiwan baik merangkum budayanya serta alatan dan jenis alat jeratnya ada dihasilkan sebagai alternatif tetap memperhalusi dan diperbincangkan. Kajian mengenai masyarakat Orang Asli yang paling banyak diperbincangkan dan dikaji ialah berkaitan perkembangannya dan kebudayaannya.

Implikasi kajian ini sudah pastinya menjurus kepada usaha pendokumentasian dalam memperkenalkan warisan kearifan tempatan masyarakat Orang Asli dalam konteks *worldview* dan adat memburu haiwan kepada masyarakat umum khususnya dalam kalangan generasi baharu. Hal ini demikian, generasi baharu mereka adalah pewaris dan perlu mengetahui warisan ini sebagai satu indikator dan keunikan mereka. Dengan itu, adat dan ritual memburu haiwan dapat terus dipuliharkan melalui penulisan dan bacaan bagi rujukan pada masa akan datang.

Penyataan Etika

Pihak pengarang telah membaca, memahami dan mematuhi keperluan etika untuk penerbitan dan mengesahkan bahawa kerja semasa tidak melibatkan subjek manusia, eksperimen haiwan atau sebarang data yang dikumpul daripada platform media sosial.

Penyataan Kredit Penulis

Nordiana binti Mosum: Penulis Utama dan Penulis Koresponden; Mohd Yuszaidy bin Mohd Yusoff: Penulis Bersama; Muammar Ghaddafi Hanafiah: Penulis Bersama

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Ketua Muzium Seni Kraf Orang Asli, Kuala Lumpur kerana telah membantu kajian ini.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja.

Rujukan

- Amir Ahmad, Hamid Mohd Isa, & Mokhtar Saidin. (2018). Kajian etnografi terhadap konsep jiwa dalam kepercayaan masyarakat Temiar. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 31(2), 85-102.
- Amran Kasimin. 1991. *Religion and Social Change Among the Indigenous People of the Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmawi bin Mohamed Yunos. (2024). Latar Belakang Orang Asli dan Peranan Muzium Senikraf. Temu bual 23 Mei.
- Firth, Raymond. 1966. *Malay Fisherman: Their Peasant Economy*. London: Butler and Tanner Ltd.
- Iskandar Carey. 1976. *Orang Asli The Oboriginal Tribes of Peninsula Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2004). Kuala Lumpur: Wisma Selangor Dredging.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016). *Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2016-2020*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan.
- Kirk Endicott. (1979). *Batek Negrito Religion: The World-View and Rituals of a Hunting and Gathering People of Peninsular Malaysia*. Oxford: Clarendon Press.



- Md. Akhbal bin Abdullah et.al. (2003). *Kenali Kami: Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Batu Pahat: Penerbit KUiTTTHO.
- Mohd. Sanusi, M., Traeholt, C., Khadijah-Ghani, S.A., Simson, B., Shukor M.N. & Rovie-Ryan, J. Jeffrine. 2014. Evolusi Projek Konservasi Tapir Malaya. *Journal of Wildlife and Parks* (2014) 29: 49-53.
- Muhammad Haziq Mohd Rohir dan Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2020). Pemuliharaan Jerat Sembat Orang Asli Suku Temuan di Kampung Gapam, Jasin, Melaka. *Jurnal Melayu*. Isu Khas Disember 2020. Dis 663-679.
- Nafisiah Hajj Abdul Rahman. 2001. Adat dan Pantang Larang dalam Masyarakat Orang Asli Suku Semai. *Gading* 6(1&2): 203-225
- Nordiana binti Mosum, 2017. Adat dan Kepercayaan dalam Ritual Kematian Masyarakat Bajau. Sarjanamuda Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordiana binti Mosum & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2022. Worldview and Ethnics Beliefs of Bajau in Death Ritual. *NeuroQuantology*. Volume 20: Issue 8. May2022: 1355-1362. doi: 10.14704/nq.2022.20.8.NQ44149.
- Roslina binti Ismail. (2024). Alat Jerat Haiwan Masyarakat Orang Asli dan Peranan Muzium. Temu bual 21 Mac.
- Sali Bah Bola. (2024). Alat Jerat Haiwan Masyarakat Orang Asli Suku Semai. Temu bual 27 Mei.
- Tambi bin Yin. 2000. *Kebudayaan Adat Resam dan Pantang Larang Masyarakat Orang Asli Kaum Jakun dan Semai*. Pahang: Institut Pendidikan Guru Tengku Ampuan Af